

# **Ke Mana Dengan Islam?**

## **Membumikan Pemikiran Islam Progresif di Singapura**

*Oleh*

Mohamed Imran Mohamed Taib

The Reading Group, Singapore

[imran@thereadinggroup.sg](mailto:imran@thereadinggroup.sg)

### **Pendahuluan**

Di dalam aksi beragama di dalam masyarakat moden dan kontemporer, ada dua permasalahan yang harus dihadapi oleh setiap penganut. Pertama, corak keberagamaan bagaimana yang dimestikan di dalam konteks masakini. Kedua, bagaimana praktis agama itu dapat dikaitkan dengan persoalan-persoalan hidup yang semakin kompleks dan mencabar.

Respons para agamawan terhadap dua persoalan penting yang diajukan di atas jelas berbeza. Di sebalik cara individu atau kelompok sosial mengartikulasikan respons mereka, kita dapat mengidentifikasikan corak pemikiran yang pada lahiriahnya jelas beragam dan saling bertembung.

### **Peta Pemikiran Islam Setempat**

Ada tiga corak pemikiran yang kelihatan dominan di pertengahan kehidupan beragama di Singapura. Melalui tema-tema yang diangkat di dalam ceramah-ceramah umum, perdebatan-perdebatan di ruang siber, tulisan-tulisan di media massa, serta seminar-seminar yang dianjurkan, kita dapat membahagikan corak pemikiran Islam di Singapura kepada tiga aliran: *tradisionalis*, *fundamentalis* dan *progresif*. Tipologi ini bukanlah sesuatu yang komprehensif ataupun eksklusif. Yang diidentifikasikan ialah gaya berfikir (*styles of thinking*) dan bukan bermaksud sebagai pengotakkan pada seseorang individu. Dalam erti kata lain, pewujudan

tipologi sedemikian lebih merupakan *ideal types*, sepertimana yang diajukan di dalam istilah sains sosial.. Lazimnya, tidak ada individu yang boleh dikatakan sebagai mempamerkan satu corak pemikiran dalam semua situasi. Yang penting ialah bagaimana kita mengenali cara berfikir tertentu dan lantas menilaikannya pada tataran sosial.

#### a. *Tradisionalis*

*Pertama*, corak pemikiran tradisionalis. Golongan tradisionalis menyeru supaya dihidupkan praktis dan pemikiran agama yang lampau tanpa menimbangkan kerelevanannya pada kehidupan masakini. Bagi golongan ini, jawapan pada segala macam persoalan baru yang timbul di dalam masyarakat kontemporer, terletak pada kitab-kitab fiqih zaman klasik Islam tanpa perlu memikir-ulang atau mencari jalan penyelesaian yang kreatif lagi kontekstual.

Golongan tradisionalis juga lebih akrab pada simbol-simbol keberagamaan berbanding dengan pemahaman yang substantif di sebalik seruan agama. Sifat konservatisme yang ketara di dalam golongan ini adalah disebabkan keruntuhan struktur kehidupan tradisional dan kemunculan corak kehidupan baru yang terkesan dari proses modernisasi dan industrialisasi. Dalam erti kata lain, tradisionalisme agama adalah reaksi pada pembangunan pesat yang kadangkala membuatkan manusia resah dan hilang paksi diri. Maka itu, dengan mengembalikan perkara-perkara yang lampau di dalam kehidupannya sekarang, seseorang itu akan mendapat semacam keselesaan dan jaminan (*comfort and security*) yang diinginkan.

Dari segi praktik beragama, kelompok tradisionalis masakini gemar menjerumuskan diri (*indulge*) di dalam kegiatan-kegiatan bersifat '*devotional*'. Contohnya seperti zikir beramai-ramai, majlis-majlis doa dan tahlil serta ibadah-ibadah khusus yang dikonsumsikan secara peribadi. Wacana yang dikembangkan golongan ini juga lebih bersifat eskatologikal dan '*otherworldly*' seperti tanda-tanda Kiamat, seksa kubur dan neraka, persoalan makhluk halus (jin, malaikat, syaitan dan sebagainya), kisah-kisah yang mempunyai unsur magikal seperti sihir dan keramat para wali, serta persoalan iman, dosa dan halal-haram.

## *b. Fundamentalis*

*Kedua*, ialah corak pemikiran fundamentalis. Golongan yang digelar *fundamentalis* ini sebenarnya muncul daripada gerakan-gerakan *revivalis* yang dipelopori oleh pemikir-pemikir seperti Abul a'la Maududi di Pakistan (1903-1979) dan Syed Qutb di Mesir (1906-1966). Wacana yang sering digerakkan oleh golongan *fundamentalis* ialah mewujudkan negara Islam, memperlakukan syariat Islam di tengah-tengah masyarakat, mengIslamkan segala sektor kehidupan di bidang-bidang sosial, ekonomi mahupun politik, dan juga mengatur kehidupan massa dengan menerapkan unsur-unsur keIslaman di ruang *privet* mahupun *publik*. Walaupun golongan ini kecil dibandingkan dengan kelompok *tradisionalis*, pengaruhnya di dalam masyarakat amat ketara. Ini disebabkan kemahiran golongan ini menggunakan teknologi seperti internet untuk menyebarkan fahaman-fahaman mereka. Golongan *fundamentalis* juga lebih akrab menggunakan bahasa Inggeris. Oleh kerana itu, secara umumnya, ide-ide *fundamentalis* mudah didekati golongan muda yang berpendidikan moden dan terasing dari tradisi Islam yang utuh.

Jikalau kita perhatikan, para pendukung fahaman *fundamentalisme* di sini muncul dikalangan para mahasiswa sewaktu era kebangkitan Islam lewat tahun 70an dan awal tahun 80an. Slogan-slogan yang seringkali diperdengarkan adalah '*Islam itu Ad-Din* (cara hidup yang total lagi *syumul*)' dan '*Islam adalah jawapan* (pada segala macam persoalan dan masalah)'.

Praktik keberagamaan yang dikembangkan golongan ini seringkali menjurus pada persoalan identiti, iaitu bagaimana membezakan Muslim dengan non-Muslim atau masyarakat Islami dan jahili. Oleh kerana itu, isu-isu yang diperjuangkan ialah pemakaian hijab bagi wanita Islam, islamisasi ilmu dan sains (kerana ilmu dan sains yang sedia ada berlandaskan epistemologi Barat yang *ateistik*, tidak bermoral dan *dekaden*) serta isu antara-agama di mana agama lain harus dicari kesalahannya supaya Islam dapat ditonjolkan sebagai agama superior.

### c. *Progresif*

*Ketiga*, dan yang paling kurang diperkembangkan, ialah corak pemikiran progresif. Walaupun kekata progresif ini semakin popular digunakan oleh setiap golongan yang mahukan semacam penerimaan publik (*public acceptance*), pemikiran yang dimaksudkan sebagai progresif haruslah mempunyai ciri-ciri berikut:

- a. **Damai:** agama itu haruslah menjadi sumber kedamaian dan bukan punca konflik dan pertumpahan darah
- b. **Toleran:** haruslah wujud sifat toleran akan perbezaan pendapat mahupun aksi beragama yang lahir dari pemahaman agama yang bermacam ragam
- c. **Pluralis:** penerimaan inklusif pada kelompok yang berbeza pemahaman, di dalam dan antara agama haruslah diperjuangkan, dan legitimasi kewujudan mereka di tengah-tengah masyarakat tidak boleh dikekang atau ditindas secara tidak adil
- d. **Demokratis:** berwajah demokratis di dalam memberi hak berpendapat dan bersuara pada setiap individu dan kelompok tanpa adanya kecenderungan untuk memonopolikan idea dan menghegemonikan perlakuan sosial pada keragaman hidup
- e. **Adil:** memperlakukan setiap pemikiran dan amal kehidupan secara adil walaupun bertentangan dengan kepentingan diri atau kelompok, serta memperjuangkan hak dan memberi suara kepada mereka yang dipinggirkan, ditindas atau dizalimi (secara struktural, psikologikal dan lahiriah)
- f. **Setara:** wujudnya sifat setara yang tidak memberi hak keistimewaan sehingga wujudnya ketidakseimbangan antara ras, kelas sosial, jender mahupun agama

- g. **Universal:** nilai-nilai yang dianjurkan haruslah bersifat universal dan tidak tertakluk pada kepentingan peribadi atau kelompok
- h. **Humanis:** wajah humanis, iaitu mementingkan nilai-nilai manusiawi dan mengarah pada soal-soal penderitaan sesama manusia dan alam, harus dijadikan fokus
- i. **Maju:** dapat menerapkan visi ‘mempertahankan yang lama yang baik dan mengambil yang baru yang lebih baik’ sebagai dasar pemikiran
- j. **Kritis:** berani menilai unsur-unsur negatif yang dapat menghambat perkembangan peradaban manusia serta peka dan menentang segala macam proses dan tarikan yang akan membenarkan secara absolut (*absolutize*) dan menjumudkan pemikiran kelompok sendiri
- k. **Profetis:** memberikan harapan pada kehidupan yang lebih sempurna dan kebebasan dari corak kehidupan yang menindas dan tidak manusiawi (*dehumanized existence*)

Corak beragama progresif mementingkan isu-isu konkrit dan peka memikirkan masalah-masalah kehidupan yang menyentuh realiti masa kini. Soal-soal kemiskinan, keterbelakangan umat, ketidakadilan sosial, penindasan pada kaum lemah dan ketimpangan struktur ekonomi, politik mahupun hubungan antara manusia menjadi fokus utama golongan progresif. Di sini, *Islam* bagi penganut yang progresif, menjadi sumber inspirasi kerana nilai-nilai universal dan manusiawi begitu ketara di dalam ajaran Nabi Muhammad.

### **Membumikan Islam Progresif**

Corak pemikiran progresif, secara umumnya, belum dikenali oleh masyarakat umum. Proses mensosialisasikan Islam yang berwatak progresif seringkali dihambat oleh salah tafsiran, kurang upaya para pendukung mengartikulasikan gagasan dengan bahasa yang tuntas dan mudah difahami masyarakat umum, serta sifat masyarakat umumnya yang konservatif dan sukar menerima perubahan pada pemikiran-pemikiran sedia ada (*status quo*) yang selama

ini diyakini secara absolut. Oleh kerana itu, budaya memikir-ulang sebahagian besar tradisi-tradisi yang diwarisi sepanjang zaman kodifikasi ajaran Islam ditakuti sebagai sesuatu yang akan melemahkan umat Islam atau membawa pada penyimpangan akidah.

Apa yang perlu diperjelaskan mengenai corak pemahaman Islam yang progresif ialah ianya bukan sesuatu yang asing di dalam sejarah perkembangan agama Islam. Munculnya berbagai aliran yang kadangkala tidak selari dan sering bertembung dari segi pemikiran, adalah contoh bagaimana umat Islam berperan di dalam proses berinteraksi dengan pemikiran dominan waktu itu. Dari proses inilah ada upaya menyadur, mengasimilasi, memperbetulkan, memperbaharui ataupun mencipta pemahaman Islam baru yang lebih sesuai mengikut konteks dan peralihan masa dan suasana.

Sepanjang kemunculan aliran-aliran ini, yang menjadi pokok penyimpangan bukanlah mengabaikan sumber-sumber Islam yang rata-ratanya diakui oleh seluruh umat Islam seperti Al-Qur'an sebagai wahyu Tuhan dan Muhammad selaku Rasul yang terakhir. Munculnya aliran-aliran bermacam ragam, termasuklah corak Islam tradisional, fundamentalis dan progresif, ialah penafsiran yang berbeza-beza atas kehendak dan wahyu Ilahi. Penafsiran yang berbeza-beza ini pula terjadi atas sebab-sebab yang dapat difahami seperti kondisi sosial, politik dan ekonomi yang mewujudkan keragaman di dalam gaya berfikir (*styles of thinking*) seseorang atau kelompok yang didiaminya. Gaya berfikir ini kuat pengaruhnya terhadap pemilihan isu-isu di dalam masyarakat, pengabaian terhadap isu-isu lain serta jalan penyelesaian yang dianjurkan.

Melihat dari perspektif ini, membumikan Islam progresif memerlukan strategi jangka panjang. *Pertama*, para inteligentsia dan pemimpin-pemimpin progresif di dalam masyarakat haruslah membuka ruang seluas-luasnya untuk berwacana di dalam suasana demokratis dan tanpa bimbang akan adanya unsur-unsur authoritarianisme yang mahu menyekat kebebasan berpendapat. Sebagai contoh, perbezaan pendapat itu haruslah diakui sebagai sesuatu yang lumrah. Jentera media massa yang berpengaruh seperti *Berita Harian* dapat memberi ruang pada perdebatan mengenai isu-isu agama dan sosial. Pendapat yang mengatakan perbezaan pendapat akan membawa pada anarki kurang memahami persejarahan umat manusia mahu pun intipati ajaran Islam. Sebenarnya, sifat tertutup terhadap kebebasan berpendapat ini

didorong oleh adanya kepentingan kelompok yang tidak mahu posisi mereka tergugat selaku pemegang kunci pemahaman agama. Jadi, yang diperlukan juga ialah pemupukan sifat demokratis lagi kritis, iaitu kebolehan dan keberanian memandang, menilai dan memegang pada hujah-hujah yang teguh dan bukannya penerimaan pasif atau *deference* pada kelompok-kelompok tertentu walaupun hujah mereka lemah.

*Kedua*, institusi-institusi pendidikan agama haruslah dirombak dari segi pedagogi mahupun inti ajaran. Sekiranya agama ingin dijadikan rujukan dan sumber inspirasi di dalam menyelesaikan persoalan-persoalan kehidupan dan masyarakat, para agamawan haruslah dididik dan diasuh supaya berfikiran kritis dan analitikal. Pada masa yang sama, metodologi-metodologi sains sosial haruslah diterapkan supaya bergandingan dengan penafsiran agama yang progresif. Penafsiran agama yang progresif bermaksud pemahaman terhadap Islam yang kontekstual dan tidak buta sejarah (*ahistorical*). Menghantar bakal agamawan kita ke institusi-institusi pengajian Islam yang diakur sebagai progresif seperti Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah dan mendorong para siswazah Islam kita supaya membuat kajian pos-siswazah bersama pemikir-pemikir Islam kontemporer yang progresif seperti Profesor Abdullahi An-Na'im (bidang perundangan), Profesor Ebrahim Moosa (bidang pemikiran Islam) dan Profesor Khaled Abou El Fadl (bidang fikah klasik dan kontemporer) akan membuahkkan corak pemikiran Islam yang progresif dalam jangka masa panjang.

*Ketiga*, tulisan-tulisan pemikir-pemikir Islam yang progresif haruslah disebarkan secara meluas di kalangan masyarakat umum. Kita akui yang tulisan-tulisan bersifat progresif kurang diminati kerana bahasanya seringkali bersifat akedemis dan sukar difahami. Namun, para aktivis Islam yang progresif boleh bergandingan dalam menghasilkan buku-buku pengantar yang dapat mendekatkan masyarakat umum pada pemikiran-pemikiran progresif para cendekiawan Islam. Pada masa yang sama, sebahagian tulisan para cendekiawan ini harus diterjemahkan kepada bahasa Melayu supaya dapat diakrabkan lagi pada golongan masyarakat Islam yang sudah terbiasa dengan tulisan-tulisan atau ceramah-ceramah bersifat tradisionalis.

*Keempat*, kerjasama antara kelompok atau pertubuhan bukan pemerintah (NGO) yang mengamalkan corak Islam yang progresif haruslah dipertingkatkan. Sebagai contoh,

kumpulan-kumpulan Islam setempat boleh mengundang tokoh-tokoh Islam yang progresif untuk mengadakan klinik dan seminar untuk para pemimpin akarumbi dan aktivis Islam. Klinik dan seminar sebegini haruslah diadakan secara kecil-kecilan supaya isu dan mesej yang ingin diketengahkan dapat diperdebatkan secara mendalam. Pada masa yang sama, para peserta klinik dan seminar yang dianjurkan haruslah diberi peluang membaca tulisan-tulisan tokoh-tokoh ini sebelum kedatangan mereka supaya kehadiran mereka di dalam klinik atau seminar yang dianjurkan akan lebih bermakna. Selepas selesai diadakan klinik atau seminar sedemikian, haruslah diadakan program-program lanjutan untuk memberi ruang berdiskusi dan menghujahkan pendapat-pendapat secara lisan mahupun tulisan. Kelompok kecil sebegini haruslah dibiarkan muncul secara organik dan dibiarkan berkembang sehingga matang.

### **Masa Depan Islam Progresif**

Proses penerimaan masyarakat umum terhadap praksis dan pemikiran Islam progresif mungkin mengambil masa yang lama. Namun, Islam yang bercorak progresif ini mempunyai masa depan yang cerah. Ini disebabkan dua faktor utama. *Pertama*, corak Islam tradisional tidak berupaya memberikan jawapan pada persoalan-persoalan masyarakat yang kian kompleks dan mencabar. Mungkin praktis keberagamaan Islam tradisional hanya boleh memberi kelegaan sementara (*temporary relief*) pada keresahan dan pencarian makna di dalam kesibukan kota yang seringkali menimbulkan kerancuan dan ketidaktentuan hidup. Corak beragama seperti ini merupakan eskapisme dan tidak dapat menyelesaikan persoalan-persoalan getir.

*Kedua*, pemikiran Islam fundamentalis jelas tidak dapat memberi isi pemahaman Islam secara substantif. Sifatnya yang cenderung anti-intelektual dan ideologikal hanya dapat beredar pada ruang apologetik dan laungan-laungan klise. Ianya mungkin menarik bagi golongan muda yang resah dan inginkan keyakinan-keyakinan absolut di tengah pergumulan masyarakat yang bersifat plural. Corak beragama sebegini akan memperlihatkan kelemahan dan kedangkalannya sendiri bersama dengan proses kematangan berfikir. Pencarian identiti yang cenderung pada pola pemikiran eksklusif dan superior akan membuat golongan

fundamentalis hilang kedudukan moralnya dalam mengungkapkan Islam sebagai agama universal.

Di atas kelemahan Islam bercorak tradisional dan fundamentalis, Islam progresif memberikan alternatifnya pada masyarakat. Namun, potensi pemikiran Islam progresif untuk membumi dan berakar di dalam masyarakat Islam Singapura bergantung pada kesungguhan golongan elit berpengaruh dan situasi global pergolakan dunia pemikiran Islam. Sekiranya terjadi peristiwa-peristiwa seperti kontroversi Amina Wadud dan pemomokan 'Islam liberal' di Indonesia yang dapat memberi ruang kepada golongan anti-progresif untuk membasmi atau melenyapkan wacana progresif di dalam masyarakat yang masih keliru akan kemunculan kelompok-kelompok baru, sukarlah untuk Islam bercorak progresif bertapak dan berkembang di sini. Sekiranya itu terjadi, maka Islam yang wujud di tengah-tengah masyarakat Islam Singapura akan hanya bersifat defensif dan reaksioner. Islam sebegini tidak akan dapat menghuraikan permasalahan sosial, mempraktikkan ajaran Islam yang universal serta humanis, dan menyumbang pada peradaban manusia masa hadapan.

\*\*\*\*\*

*Makalah ini telah dibentangkan di sesi Pertemuan Aktivis Muda Progresif Singapura-Indonesia anjuran The Reading Group dan Pusat Kajian Agama dan Budaya, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, yang berlangsung dari 14-17 Disember 2006 di Hotel Seruni, Puncak Bogor, Indonesia.*